

KELEBIHAN BULAN MUHARAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Antara nikmat besar kurniaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala ialah dijadikan untuk kita semua ada masa untuk melakukan ibadat secara berterusan. Setelah berlalu bulan Ramadan dan bulan Zulhijjah tidak lama lagi kita akan bertemu pula dengan bulan Muharam. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقِيمُ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram Itulah (ketetapan) agama yang lurus.*

Bulan Muharam yang akan kita sambut nanti adalah salah satu bulan haram yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala sebagaimana sabda Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

إِنَّ الزَّمَانَ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمُ وَرَجَبٌ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya zaman berputar sebagaimana perjalanan asalnya ketika Allah menjadikan langit dan bumi. Satu tahun ada dua belas bulan antaranya empat bulan haram tiga berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram serta Rejab*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Sebagai hamba Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang taat dan patuh kepada-Nya, adalah wajib ke atas kita menghormati bulan Muharram. Pada bulan ini agenda perpaduan dan persaudaraan dalam kalangan umat Islam hendaklah sentiasa dipupuk dan diteruskan. Kita semua maklum bahawa perpecahan dan permusuhan adalah dilarang dan keji dalam Islam. Namun larangan tersebut lebih keras pada bulan Muharam dan bulan-bulan haram yang lain. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 36:

فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِ أَنْفُسَكُمْ وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا
يَقْتُلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: *Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka pun memerangi kamu semuanya, dan Ketahuilah bahawasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.*

Imam al-Qurtubi menjelaskan, Allah Subhanahu wa-Ta'ala menegah sebarang bentuk kezaliman kerana memuliakan bulan-bulan haram sedangkan tegahan melakukan kezaliman adalah sepanjang masa. Oleh itu, perbuatan zalim atau program-program yang membawa kepada kemaksiatan adalah dilarang pada setiap masa terutamanya pada bulan-bulan haram ini dan perlulah dihindari. Ibnu Manzur dalam kamus Lisan Arab berkata, "bulan Muharam dinamakan sedemikian kerana orang Arab jahiliyyah mengharamkan peperangan dalam bulan tersebut. Walaupun orang Arab jahiliyyah sesat dan kafir, mereka tetap mengagungkan semua bulan-bulan 'haram'. Seheinggakan jika seseorang bertemu dengan pembunuh bapanya pada bulan-bulan ini, dia tidak akan membunuhnya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Ibadat-ibadat khusus seperti solat, puasa dan zikrullah adalah digalakkan pada bulan ini. Sekiranya dalam empat bulan ini pihak-pihak agensi kerajaan serta sektor swasta dan individu mampu untuk menganjurkan aktiviti berfaedah serta menjauhi segala bentuk maksiat, maka secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar kemaksiatan dalam masyarakat kita. Oleh itu, antara amalan yang digalakkan pada bulan ini ialah memperbanyakkan puasa sunat. Dalam sahih Muslim, Nabi Sallahualaihi wasallam bersabda :

أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ شَهْرِ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمِ

Yang bermaksud: *Puasa yang paling afdal setelah bulan Ramadan adalah berpuasa pada bulan Allah al-Muharam.*

Berpuasa sepanjang bulan Muharam adalah digalakkan, namun terdapat nas khusus yang menceritakan kelebihan berpuasa pada 10 Muharram iaitu hari 'Asyura berdasarkan sabda Rasulullah Sallahualaihi wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

صِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءَ إِنِّي أُحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ

Yang bermaksud: *Berpuasa pada hari 'Asyura sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya.*

Pada zaman pemerintahan Saidina Umar ra beliau telah memulakan pengiraan tahun dalam takwim Islam bersempena peristiwa Hijrah sebagai asasnya dan Muharam dijadikan bulan pertama. Marilah kita semua mengambil kesempatan dengan kedatangan bulan Muharam ini untuk memperbanyakkan amal ibadah agar diri kita dekat dengan Allah Subhanahu Wataala dan menghayati sunnah Nabi Sallahualaihi wasallam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ ^ط فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكٰفِرِينَ ﴿٣٢﴾

Katakanlah: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang kafir.*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.